

SEBABNYA TIMBUL PERSELISIHAN MAZHAB–MAZHAB

Apakah sebabnya imam-imam empat mazhab itu berselisihan dalam undang-undang syara’ pada hal asas hukum syarak telah tentu dan nyata ialah Quran, Hadis ijma’ dan qiyas?

Jawapan telah dikupas dengan panjang lebar oleh ustaz “Dhūlkifli Muḥammad” di dalam bukunya “masyarakat dan syariat” yang baharu terbit dan cabutan daripadanya kita turunkan dibawah ini.-P.

(Oleh Dhūlkifli Muḥammad)

Pertama- Imam-imam yang berempat itu mempunyai keadaan hidup yang berlainan dan itu membawa kepada perbezaan pengetahuan mereka adalah berlainan. Imam Mālik umpamanya duduk di Madinah dan oleh kerana ianya menganggap al-Madinah al-Munawwarah itu tempat Rasulullah dan oleh itu penghormatan kepada ahli-ahli Madinah adalah besar maka ianya memandang ijma’ itu adalah ijma’ orang Madinah sedang imam-imam lain memandang bahawa ijma’ itu ialah am bagi orang-orang Islam dengan dalil hadis: “*La tajtima’ ummatī ‘alā ḍalālah*” (umatku tidak berhimpun atas kesesatan). Dan duduknya imam Malik di Madinah itu telah tidak membolehkannya melihat dan memerhatikan cara hidup dan tamadun-tamadun di tempat lain, seperti yang didapati oleh Imam Abū Ḥanīfah di Iraq dan Imam Shāfi’ī di Iraq dan Mesir . Lagipun Imam Shāfi’ī sendiri telah bergurukan Imam Malik dan terpengaruh dengan ajarannya serta telah dapat mengambil model Imam Mālik daripada hadis-hadis sahih yang didapati di Madinah dan dikumpulkannya dalam kitab “*al-Muwatṭā’*”.

Kedua- tentang punca mazhab-mazhab itu serupa memanglah benar. Tetapi Quran dan Hadis selalu umum maka dalam memberi makna dan mengambil hukum dari punca yang umum itu tentulah berselisih imam-imam itu kerana caranya

berlainan dan modelnya pun berlainan. Fasal hadis, kita telah terangkan bagaimana rumitnya. Jadi setengah hadis-hadis itu diterima oleh setengah-setengah imam manakala iaitu tidak sah pada imam yang lain, dan semuanya cemburu dalam hal ini untuk mendapat kebenaran. Berkenaan ijma’ telah jelas di atas (iaitu bererti persatuan fikiran orang-orang yang berijtihad pada sesuatu masa dan tak boleh sama sekali berlawanan dengan Quran dan hadis – P.) dalam soal qiyas pula imam Abū Ḥanīfah adalah terpaksa berleluasa dalam qiyas sebab ia menyampaikan pegangannya kepada hadis. Sebaliknya Imam Ahmad bin Hanbal pula mempunyai pegangan luas kepada hadis-hadis dan ia hanya sedikit sahaja berpegang kepada qiyas.

Ketiga- tiga Imam itu: Ahmad, Abū Ḥanīfah dan Mālik, adalah menjalankan ijtihad dan istinbāt dengan berpegang kepada faham dan kekuatan sifat dan “malakah” instibāt mereka sedang Imam Shāfi’ī adalah mengikut ilmu uṣūl fiqh yang disusun dalam risalahnya. Itulah sebabnya maka mazhabnya adalah lebih sesuai dengan mantiq . Sedang Imam-imam yang lain itu tidak seperti itu. Ia adalah menghargai hadis dan qiyasnya adalah datang sesudah hadis yang sah disunnnya dan ijma’, Kaedah-kaedah qiyasnya dan cara serta hadnya adalah dipelajarinya dan banyak diaturnya.

Keempat- Selain dari mereka yang berempat itu, ada beberapa imam, yang lain pula jalan mereka. Ada yang mengemukakan hadis langsung ada yang tidak mahu memakai qiyas dan mereka hanya berpegang kepada nas sahaja seperti ahli al-Zāhir. Tetapi mereka ini tak boleh diikuti.

Kelima- di samping empat punca itu mereka adalah memakai asas keadilan dalam hukum dengan nama yang berlainan seperti “*istihsān*” “*istiṣlāh*” dan “*al-maṣāliḥ al-mursalah*”. Tujuannya semua itu ialah mencari keadilan hukum yang semula jadi, dan ini adalah serupa dengan undang-undang tabii” dalam undang-undang Rom umpamanya. Menuju itu pula ada imam-imam yang memakai kaedah “*al-Barā’at al-Aṣliyyat*” (kebersihan yang semula jadi) dan *shara’ min qablinā shara’ lanā* (undang-undang dahulu yang tidak dibatalkan) sebagai asal mazhabnya.

Semuanya itu adalah memberi keterangan bahawa perselisihan mereka adalah pada tafsir dan cara bukan pada asas dan tujuan. Itu adalah meletakkan kedudukan mazhab-mazhab itu pada tempat yang nyata bagi kita. “Tiap-tiap mazhab itu adalah puncubaan untuk merupakan undang-undang Islam”, dan tiada satu mazhab pun daripada mazhab-mazhab itu berhak mengatakan bahawa jalannya adalah sebenar-benarnya pada hakikatnya, jalan tunggal Islam. Sebenarnya imam-imam mazhab itu semuanya adalah berpendirian bahawa bukanlah mazhabnya itu kebenaran mutlak sebagai undang-undang Islam. Imam Shāfi‘ī umpamanya berkata “Kalau perkataanku itu (yakni mazhabnya) berlawanan dengan hadis-hadis sahih maka campakkanlah perkataanku. “dan Imam Mālik pula, apabila hendak dihukumkan oleh Hārūn al-Rashīd supaya memaksa semua orang-orang Islam mengikut mazhabnya, ia telah membantah keras.

Sebenarnya Rasulullah ada bersabda: “*ikhtilāfi ummatī rahmah*”. (Perselisihan umatku itu rahmat) adalah menyebabkan laga dan mudah di dalam agama Islam yang memang menjadi asasnya dalam undang-undang dan hidup. Islam adalah agama yang besar dan undang-undangnya pun luas pula.

Empat mazhab itu tidak boleh dikatakan sebagai fikiran dan kehendak undang-undang Islam ada di dalamnya. Kadang-kadang fikiran dan pendapat imam-imam yang lain daripada imam-imam yang berempat itu adalah lebih kuat dan lebih munasabah. Maka faham memaksa manusia berlingkar di dalam satu mazhab sahaja dalam hidupnya adalah membawa kesempatan ke dalam keluasan undang-undang Islam.


Masyarakat Islam sekarang hendaklah menggunakan semua fasal perundangan Islam yang banyak itu dengan tidak terikat kepada sesuatu mazhab sahaja. Kalau kita telah tahu bahawa perselisihan-perselisihan itu untuk keluasan kita maka kenapa kita berlingkar dalam satu mazhab sahaja, tak mahu mengambil fikiran lain dalam mazhab-mazhab yang ada kita dapati pendapatnya walaupun dalam sesuatu masalah. Aneh! Setengah guru-guru dalam sesuatu mazhab ada mengatakan itu haram. Ini adalah satu kejahilan dan kebodohan daripada mereka itu, dengan mana masyarakat Islam menderita kesempitan perundangan. Janganlah dikecilkan mereka undang-undang Islam itu dalam seorang mazhab Shāfi‘ī atau Ḥanafī atau Ḥanbalī atau Mālikī.

Bahkan kewajipan orang-orang Islam terutama ahli-ahli undang-undang. Bukan hingga meluaskan fahaman dan pandangan seperti itu sahaja, kebijaksanaan mereka mestilah membuka semula pintu ijtihad. Banyak perkara baharu yang mesti diberi layanan perundangan dan ini tak akan dapat diciptakan kalau tidak dengan ijtihad.

Tidak ada sebab yang menghindarkan kita daripada berijtihad dalam zaman ini seperti yang telah dibuat pada zaman dahulu itu, soal alat dan kelayakan, orang-orang dahulupun tidak juga yang sempurna semuanya. Mungkin mereka adalah lebih kuat melangkah instibāṭnya tetapi ini boleh kita capai dengan latihan, perhatian dan mendalamkan kajian kita di dalam undang-undang Islam tempat ambilan hukum seperti kitab al-Quran, hadis-hadis rijal dan sebagainya ada belaka.

Kalau kita lihat dalam sejarah perundangan Islam nescaya kita dapati bahawa tidak ada sebab maka pintu ijtihad dalam undang-undang Islam ditutup sesudah imam yang berempat itu sesudah mereka. Bukan tak ada orang-orang yang alim dalam undang-undang dan berkelayakan untuk ijtihad. Tetapi malangnya keadaan politik di alam Islam pada waktu itu telah tidak menolong salah seorang dari mereka ditanya kenapa ia tidak berijtihad? Jawapan: Politik! Ya, pada masa itu langkah memajukan mazhab diambil kerana menjaga ketetapan undang-undang. Tak ada hakim yang boleh memberi hukum selain dari mazhab yang ditentukan. Banyak orang-orang alim yang tak mahu terikat dengan mana-mana mazhab dan mahu menjadi hakim mazhab bahkan seseorang alim besar telah menyusun kitab undang-undang yang besar dengan tidak mengikut mana-mana mazhab dan setelah selesai ia menyusun ia tak dapat menyebarkan kitabnya yang berharga itu kerana takut dan akibat buruk dari tentangan ulama mazhab yang berkuasa dalam politik pada waktu itu.

Sebenarnya langkah orang-orang Islam diusung mazhab itulah menyebabkan perkembangan perundangan pada waktu itu dan sudahnya bantut dalam erti ijtihad mutlak. Tetapi kita tak boleh mengenakan sesudah itu undang-undang Islam bantut pada umumnya. Bahkan peredaran dan perkembangan umumnya adalah baik. Sebab setelah menutup pintu ijtihad itu, ulama itu-
Sāmahahima Allāh-pun bekerja keras dalam menyusun karangan dan kitab-kitab dalam menjelaskan mazhab-mazhab yang menjadi mazhab masing-masing. Kalau dahulunya ahli-ahli undang-undang Islam bekerja dalam mengambil hukumnya itu memahamkan nas-nas Quran dan hadis, ijma' dan qiyas. Waktu itu mereka bekerja memahami dan mentafsirkan perkataan-perkataan dan kitab-kitab imam yang berempat. Dari situlah terbitnya syarah-syarah dan *hāshiyah* dalam kitab-kitab undang-undang. Kaedah-kaedah dan tahlil mazhab masing-masing pun terbitlah. Kerja mereka itu, walau bagaimanapun, adalah hebat dan bersemangat



Masjid "al-Kāziyah" sebuah masjid yang masyhur di Baghdad.

Tujuan mereka ialah mempertahankan mazhab masing-masing. Kitab-kitab mereka dalam undang-undang adalah penuh dengan pertengkaran untuk itu dalam menjalankan satu aliran. Dalam membuat kitab-kitab undang-undang timbul pula iaitu mengarang-ngarang kitab undang-undang secara ringkas benar dengan benar berupa "matan" meringkaskan orang-orang adalah membawa natijah yang buruk dalam perundangan dan kepada orang-orang yang kemudian. Orang-orang kemudian dari mereka pula menerima akibat buruk itu. Kerja memahamkan matan-matan mereka itu adalah sulit sebab iaitu terlalu ringkas. Selain dari itu, untuk memahamkan kalimah-kalimah matan itu orang-orang yang kemudian terpaksa tak dapat membaca kitab-kitab undang-undang yang panjang-panjang dan luas yang boleh didapati di dalamnya roh perundangan Islam.

Jadi untuk perundangan mereka menderita dan menjadi dungu. Cita-cita mahu berijtihad pun tumpul. Semenjak itu aliran "bertaklid" atau "itba" mengikut suatu imam mazhab, pun menjadi model hidup orang-orang Islam dalam erti perundangan. (Setelah menghuraikan dengan panjang lebar bagaimana perlunya berijtihad. Maka pengarang kitab "masyarakat dan syariat".

berkata lagi – P. Q):

Adalah diingatkan bahawa seruan kita kepada “ulama’ yang berkelayakkan” supaya berijtihad itu bukanlah dengan tujuan supaya mereka menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal daripada hukum-hukum Islam yang dimaksudkan ialah layanan perundangan yang cukup dan sesuai terhadap keadaan-keadaan baharu. Hasil tafṣīlāt hukum tidaklah menjadi soal lagi sebab jaminan muslihat masyarakat menurut garisan yang benar adalah terdapat di dalam perjalanan ijtihad mereka itu seperti yang telah kita bahaskan dahulu dari ini. Kebekuan perundangan mestilah dipecahkan.

Hal itu ternyata penting dan hajat cepatnya bila kita renungkan kepada peredaran umat Islam menurut agama mereka hari ini. Kerajaan Pakistan yang hendak dibentuk perlembagaan secara Islam itu adalah lapangan yang subur untuk ijtihad ulama-ulama itu.

Banyak ulama-ulama yang merasa kelayakan berijtihad itu tak ada pada zaman ini. Kita sebenarnya hairan melihat kebodohan mereka ini. Adakah mereka memahamkan bahawa ijtihad ini untuk membuka satu mazhab baharu pula? Yang kita kehendaki ialah layanan perundangan yang cukup seperti kakak tua mengulang-ulang nas-nas ahli-ahli undang-undang yang lalu sahaja, yang tak akan lebih tuhkan suasana kita sekarang ini lebih daripada kita sendiri. Yang diserukan ijtihad bukannya dalam semua perkara dengan membuang semua fikiran mereka dan memugar semula. Kekayaan perundangan Islam yang kita sukai itu semuanya kita gunakan dan cermati tugas ijtihad ialah menambah dan menampal.

Ada pula yang takutkan ijtihad itu akan menimbulkan bermacam-macam fikiran dan pendapat dalam undang-undang Islam orang-orang yang takutkan itu sebenarnya bukan alim ulama. Sebab orang yang alim yang sebenar-benarnya tentulah insaf bahawa berlainan pendapat-pendapat itu adalah tanda hidup dan suburnya



Mufti besar Palestin al-Hājj Muḥammad Amīn al-Ḥusaynī.

undang-undang Islam untuk memenuhi tugas besarnya dalam menyelenggara masyarakat manusia. Perkembangan perundangan Islam hanya akan didapati dengan kembalinya alim ulama ke alam pergolakkan ijtihad seperti dahulu ketika itu Islam, dari segi perundangan akan dapat memberi sumbangan besar kepada dunia yang telah dipeningkan oleh pergeselan dan pertikaian pendapat-pendapat serta aliran-aliran undang-undang ini.

Di samping ijtihad itu ada pula tugas besar ulama undang-undang Islam dalam lingkungan erti kata perkembangan tugas itu ialah mengadakan penyiasatan, penyelidikan dan bacaan undang-undang secara perbandingan. Undang-undang hidup di dunia ini adalah banyak berbeza-beza. Maka ahli-ahli undang-undang Islam hendaklah tampil menyusun perbandingan undang-undang Islam dengan undang-undang itu semuanya, secara am dan secara khasnya, hasil kerja mereka itu akan dikemukakan kepada masyarakat Islam dan kepada dunia amnya supaya dapat diketahui bagaimana kedudukan perundangan Islam di hadapan kesulitan-kesulitan masyarakat manusia.